

27/01/2003

Adnan, Exco bawa banyak kemajuan di Pahang

Bekas Pemimpin Pelajar

MENTERI Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan semua lapan Exco Kerajaan Pahang, minggu lalu, menyatakan kesediaan menarik diri daripada menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang bagi memberi laluan kepada muka baru. Bagaimanapun, keputusan muktamad akan ditentukan pucuk pimpinan, sama ada menerima atau menolaknya.

Tindakan itu, kata Adnan, bukan untuk memeningkan Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebaliknya lebih memudahkan tugasnya kerana keputusan yang dikeluarkan kelak akan diterima dengan hati terbuka.

Hasrat Adnan dan lapan Exconya itu menunjukkan kesediaan dan komitmen mereka bahawa sekiranya pucuk pimpinan pusat mempunyai pilihan yang difikirkan terbaik untuk negeri Pahang, mereka dengan rela hati mengundurkan diri dan memberi peluang itu pada calon yang lebih berkecayaan.

Namun demikian sepanjang pengalaman sebagai rakyat biasa dan bekas pemimpin pelajar secara ikhlas, saya menyatakan bahawa kepemimpinan Adnan dan Exconya banyak membawa kemajuan kepada negeri ini.

Konsep dan pendekatan mesra rakyat yang ditampilkannya dalam kepemimpinan beliau banyak membuatkan rakyat lebih rasa didampingi oleh pemimpin.

Selain itu, dasar kerajaan negeri kini lebih telus dan mengutamakan kebajikan rakyat.

Saya berpendapat corak kepemimpinan seperti ini sewajarnya dikekalkan. Ini kerana pemimpin BN seperti ini mudah didampingi dan disenangi rakyat.

Saya bimbang mungkin menjadi masalah sekiranya pemimpin seperti Menteri Besar dan Exconya ditukar dengan pemimpin lain dalam tempoh singkat untuk menghadapi pilihan raya umum.

Hakikatnya, pemimpin yang terpilih harus melihat taklif ini sebagai tugas besar untuk memajukan agama, bangsa dan negara serta bukan hanya kepentingan individu atau parti semata-mata.

BEKAS PEMIMPIN PELAJAR,

Kuantan, Pahang.